



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MODUL SUKAN MENJADI PERINTIS JATI DIRI IKON REMAJA

KUALA LUMPUR, 21 November 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini telah merasmikan Karnival Piala Menteri Wilayah Persekutuan yang disertai oleh 2,000 orang pelajar dari 76 buah sekolah sekitar Kuala Lumpur. Perlawanan bola sepak Piala Menteri ini merupakan acara penutup bagi Modul Sukan di dalam Program Ikon Remaja.

Modul Sukan di bawah program Ikon Remaja ini telah dilaksanakan sejak bulan Julai yang lalu dan antara pengisiannya adalah latihan sukan atau klinik bola sepak yang diterajui oleh Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) selaku pihak pelaksana. Latihan dan klinik bola sepak ini telah diadakan di 76 sekolah melibatkan 80 pasukan. Sebahagian besar peserta terdiri dari anak-anak golongan B40 yang tidak mampu untuk berbelanja mewah untuk barang sukan tetapi dengan kerjasama strategik Kementerian dan Al-Ikhsan, peserta klinik bola ini telah diberikan aksesori sukan bola sepak seperti kasut bola, stoking, pad keselamatan, jersi dan sebagainya secara percuma. Beberapa siri perlawanan telah dianjurkan iaitu Perlawanan Suku Akhir yang telah diadakan pada 6 Oktober 2019 dan Perlawanan Separuh Akhir pada 13 Oktober 2019.

Selain daripada perlawanan akhir bola sepak Piala Menteri ini, turut diadakan adalah karnival kerjaya bagi memberikan pendedahan awal kepada para pelajar sekolah menengah mengenai pendidikan lanjutan, pendidikan kemahiran dan perkongsian kerjaya bagi membantu golongan remaja untuk merancang haja tuju dan masa depan mereka.

Program Ikon Remaja ini diwujudkan untuk meningkatkan jati diri golongan remaja di Wilayah Persekutuan supaya tidak mudah terpengaruh dengan budaya kota dan pengaruh era globalisasi dengan memberikan penekanan kepada pembangunan aqidah, rohani dan jasmani. Kementerian juga berharap program sebegini dapat menghalakan fokus golongan remaja kepada aktiviti yang berfaedah dan mengelakkan

isu keruntuhan akhlak dan gejala-gejala sosial seperti lumba haram, ragut, penyalahgunaan dadah, aktiviti seks bebas dan lain – lain lagi.

Kementerian melaksanakan program ini dengan konsep santai di mana proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara pemerhatian, perbincangan, kerja berpasukan dan ceramah-ceramah pendek sebelum sesuatu aktiviti dilaksanakan. Pengisian program ini berpandukan kepada 6 modul iaitu; Modul Kerohanian dan Pemantapan Sahsiah, Modul Kebajikan dan Kemasyarakatan, Modul Patriotisme dan Perpaduan, Modul Kesihatan dan Rekreasi, Modul Kemahiran dan Daya Kreativiti dan Modul Sukan.

Kementerian berharap program Ikon Remaja ini dapat memberikan impak dalam menangani gejala sosial dalam kalangan remaja di Wilayah Persekutuan dan pada masa yang sama dapat melahirkan remaja yang mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap matlamat hidup dan tanggungjawab mereka kepada agama, bangsa dan negara.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
21 November 2019